

20 NOV 2000
LID-PAKAIAN (Dengan gambar)
SUASANA TIDAK RASMI DI LID 2000

Oleh: Yong Soo Heong

LANGKAWI, 20 Nov (Bernama) -- Meskipun Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 (LID 2000) adalah satu forum rasmi yang dihadiri oleh ketua-ketua negara luar, terdapat suasana ketidakrasmian daripada segi berpakaian para delegasi utama yang menyertai dialog itu di sini.

Pakaian kasual kelihatan menjadi pilihan di kalangan peserta lelaki yang mengambil bahagian dalam perbincangan dengan tajuk agak berat seperti "Hubbing & Webbing", "Tanggungjawab Korporat dan Perkongsian Bestari", dan "Perkongsian Bestari dalam Tindakan dan Rangka Kerja Pelaksanaan" serta "Kematian Bayi akibat Penyakit".

Sebagai contoh, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memakai kemeja T hitam dengan kolar merah, "pakaian rasmi" di kalangan kakitangan Kumpulan Industri Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) yang terlibat dalam penganjuran forum ini.

Peserta lain kebanyakannya memakai kemeja batik dan delegasi dari Afrika kelihatan selesa dengannya.

Pakaian seumpama itu pastinya sesuai di sini memandangkan cuaca panas di Langkawi ketika ini.

Sebaliknya, kakitangan keselamatan dan protokol yang berada di sekeliling para VIP kelihatan "agak bergaya" berbanding delegasi dengan jaket perniagaan dan "bush jacket" mereka di Berjaya Langkawi Beach & Spa Resort.

Bagaimanapun, keadaan berbeza di pusat media kerana suhu boleh menjadi terlalu sejuk pada ketika penghawa dingin berfungsi di tahap maksimum.

Ia mungkin memberi keselesaan kepada pemberita-pemberita yang mencari suasana "nyaman" selepas berhempas pulas mendapatkan berita tetapi bagi yang berada di pusat itu sepanjang hari, ramai yang memilih untuk memakai baju sejuk dan jaket bagi mengelak kesejukan. -- BERNAMA

SHY YBY ZK